

# PM: Tuntutan gaji tidak akan dilayan

BH 28 SEP 1985

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak akan melayan sebarang tuntutan pelarasan gaji kakitangan kerajaan sekiranya Cuepacs terus mengancam kerajaan.

Bagaimanapun, beliau

memberi jaminan akan bersedia menemui pemimpin Cuepacs dan Majlis Bersama Kebangsaan, jika mereka menghentikan ugutan untuk berpiket dan mogok.

"Saya bersedia menemui mereka tetapi tidak boleh memberi sebarang jaminan tuntutan mereka akan dipenuhi," kata Perdana Menteri di sidang akhbar ketika Perhimpunan Agung Umno berehat, petang semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebelum ini beliau tidak dapat menemui pemimpin kesatuan sekerja itu kerana tindakan mereka bercanggah dengan pendiriannya.

"Ketika mereka berkata hendak menemui saya, pada masa yang sama mereka mengugut untuk mogok dan menarik sokongan kepada kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu menyebabkan beliau tidak boleh melakukan sesuatu terhadap tuntutan mereka.

Beliau berkata, kerajaan sekarang menanggung beban hutang yang banyak.

"Kita hanya sekali membuat jambatan dan mungkin mampu meminjam. Tetapi kerajaan tidak boleh meminjam semata-mata untuk membayar gaji pekerja

yang berterusan," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, wang yang dibelanjakan adalah wang rakyat dan kerajaan hanya menguruskannya. Jika kerajaan memikirkan tidak mampu melakukan sesuatu, ia tentu mempunyai alasan yang munasabah.

Perdana Menteri berkata, memandangkan keadaan sekarang, kerajaan rela menghadapi sebarang kemungkinan daripada pihak tertentu kerana ia benar-benar tidak mampu memenuhi kehendak mereka.

"Kita rela kalah dalam pilihanraya, tetapi kita tidak boleh membelanjakan untuk sesuatu yang kita tidak mampu. Adalah mengecewakan jika kita kalah dalam pilihanraya hanya disebabkan tuntutan mereka tidak dipenuhi," katanya.

Beliau juga berkata, setiap kakitangan kerajaan berhak memilih kerajaan yang mereka suka. Bagaimanapun, mereka tidak bebas mengambil bahagian dalam politik berasaskan peringkat yang telah ditentukan.

Jika mereka memegang jawatan dalam politik, mereka hendaklah meninggalkan jawatan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, ini bukan bermakna beliau mengancam siapa.